



ISNIN, 29 OKTOBER 2018

CCO2018/118

KENYATAAN MEDIA

Kenaikan Yuran Universiti Malaya

Susulan daripada kenyataan YB Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik baru-baru ini tentang isu kenaikan yuran pengajian di Universiti Malaya (UM), Naib Canselor UM, YBhg Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj Hashim menjelaskan bahawa bagi memastikan semua pihak khususnya pelajar mendapat maklumat yang sahih, pihak Pengurusan UM telah mengedarkan kesemua dokumen berkenaan dengan justifikasi kenaikan tersebut kepada Yang Di Pertua Majlis Perwakilan Pelajar. Dokumen-dokumen tersebut juga telah diletak di domain awam dan ditularkan.

Sesi perjumpaan juga telah diadakan dengan wakil-wakil pelajar daripada pelbagai persatuan termasuk presiden-presiden Jawatankuasa Tindakan Kolej (JTK) bagi menjelaskan perkara tersebut.

Kenaikan yuran yang dimaksudkan adalah yuran ICT dan bukannya yuran pengajian dan kali terakhir ianya dinaikkan adalah pada sesi kemasukan 2011/2012. Kenaikan berjumlah RM100 setahun (RM50 per semester atau RM8.30 sebulan) bagi pelajar tempatan dan RM600 setahun bagi pelajar antarabangsa (kenaikan sebanyak RM300 setahun). Ini jauh lebih murah berbanding kadar komersil, dan kadar yuran yang dikenakan masih dikira kadar yuran subsidi.

Pada masa ini perkhidmatan ICT di Universiti Malaya merangkumi khidmat internet bertalian dan tanpa talian (WiFi), aplikasi-aplikasi yang dibangunkan seperti portal pendaftaran melalui talian, langganan perisian-perisian kritikal seperti Microsoft365, akses kepada sumber pengajaran dan pembelajaran atas talian, serta penyelenggaraan perkakasan seperti pelayan dan peranti keselamatan maya (*cybersecurity*). Khidmat WiFi di UM contohnya, adalah secara purata berkelajuan antara 20MBps sehingga 200MBps manakala kelajuan internet talian adalah sehingga 600MBps. UM tidak mengenakan sebarang had dari segi penggunaan data dan

akses. Pelajar UM juga boleh menggunakan sehingga 3 peranti serentak untuk setiap seorang bagi tujuan akses ke internet.

UM sentiasa berusaha memastikan kebajikan para pelajar dipertingkatkan melalui penambahbaikan berterusan dari semasa ke semasa.

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi :
Tuty Haryati Kassim
Pegawai Hubungan Korporat
Pejabat Komunikasi Korporat, Universiti Malaya
Tel : 016 2195696 / 03-7967 3424

Dikeluarkan oleh:
Pejabat Komunikasi Korporat (CCO)
Aras L, Bangunan Canseleri
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Tel: 03-7967 3238 Faks: 03-79560027 Emel: corporate@um.edu.my